



KERJA RUMAH (CUTI PENGGAL PERSEKOLAHAN 1 2026)

Bahasa Melayu (Tahun 5): Jenis-jenis Ayat

Tuliskan jenis-jenis ayat yang sesuai mengikut ayat di bawah.

Ayat Penyata	Ayat Seru	Ayat Tanya	Ayat Silaan	Ayat Suruhan	Ayat Larangan
--------------	-----------	------------	-------------	--------------	---------------

- 1) Ada pelbagai jenis lukisan terdapat di muzium itu. (_____)
- 2) Jemput masuk ke dalam, Aqil. (_____)
- 3) Berapakah harga beg ini? (_____)
- 4) Aduhai, malangnya nasibku ini! (_____)
- 5) Jangan tulis buku kosong itu. (_____)
- 6) Syauqi mempunyai seorang abang dan seorang adik. (_____)
- 7) Kembalikan semula pen yang kamu pinjam itu. (_____)
- 8) Siapakah yang tidak hadir semalam? (_____)
- 9) Jemput makan kuih yang disediakan. (_____)
- 10) Ayah membeli motosikal baharu minggu lepas. (_____)
- 11) Tahniah, awak berjaya mendapat johan! (_____)
- 12) Warnakan gambar yang telah disediakan ini. (_____)
- 13) Usah kamu kenang kisah yang silam itu, Mira. (_____)
- 14) Aduh, pedihnya perutku! (_____)
- 15) Ibu saya berkemahiran dalam membuat kuih-muih tempatan seperti seri muka dan binka susu. (_____)

Disediakan oleh Cikgu Aqilah (2026)